



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERSEDIAAN BELIA ISLAM UNTUK BERKAHWIN,  
KAJIAN DARI SUDUT PENGETAHUAN, DAN AMALAN**

**MUHAMMAD NUBLI B HJ. ABDUL WAHAB**

**FPP 1997 22**

**PERSEDIAAN BELIA ISLAM UNTUK BERKAHWIN,  
KAJIAN DARI SUDUT PENGETAHUAN,  
DAN AMALAN**

Oleh

**MUHAMMAD NUBLI B. HJ. ABDUL WAHAB**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

Jun 1997



**PERSEDIAAN BELIA ISLAM UNTUK BERKAHWIN,  
KAJIAN DARI SUDUT PENGETAHUAN,  
DAN AMALAN**

**MUHAMMAD NUBLI B. HJ. ABDUL WAHAB**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1997**



## **PENGHARGAAN**

Segala puji dan puja dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T atas nikmat iman dan Islam-Nya seterusnya mendorong kajian ini dilaksanakan dengan jayanya. Munajat doa rahmat dan pengampunan dilafazkan pada Mi dan Abah kerana mendorong diri ini terus berada di jalan ilmu. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan pada Prof. Madya Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan atas segala pimpinan, bimbingan, tunjukajar dan dorongan yang diberikan untuk menghasilkan kajian ini seterusnya sepanjang tempoh pengajian. Hanya Allah S.W.T sahaja sebaik-baik pemberi rahmat dan ganjaran.

Setinggi-tinggi terima kasih pada Prof. Madya Dr. Hj. Saidin Teh dan Y. M. Dr. Raja Ahmad Tajuddin Shah atas tunjukajarnya bagi menghasilkan kajian yang bernilai ini. Berbanyak penghargaan pada Dr. Bahaman, Dr. Turiman, Dr. Saodah, Kak Rusinah, Mohammad Salleh, Kak Arbaiyah, Kak Norizan serta semua pensyarah dan kakitangan yang banyak membantu bagi melengkapkan kajian ini.



Saya terhutang budi kepada Irwan, Md. Noor, Ustaz Ghazali, Jaafar, Bob, Abd. Latiff, Pak Enisar, Pak Waridin dan semua rakan yang banyak memberikan sumbangan idea untuk menghasilkan kajian yang lebih baik. Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ustaz Ahmad Ismail, Ustaz Asri Tahir, Ustaz Abu Zaki, Ustaz Asmungi, Ustaz Salleh, Ustaz Nasaruddin dan Ustazah Salwana kerana banyak memberikan maklumat dalam menerokai bidang kekeluargaan yang amat berfaedah ini.

Akhir sekali penghargaan yang tidak ternilai kepada Abang Wan, Long, Abang Halim, Ngah, Zainab, Teh dan Ana yang banyak memberikan sokongan, bantuan, kemudahan dan aspirasi sepanjang tempoh kajian.

Kepada semua yang di sebutkan di atas, dan semua yang telah terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung, hanya Allah S.W.T sahaja yang layak membalas budi kalian dan didoakan agar diberikan ganjaran oleh Allah atas usaha dan jihad yang dicurahkan. Semoga Allah sentiasa memayungi kita bersama dengan rahmat-Nya demi menjalankan tugas sebagai hamba dan Khalifah-Nya di muka bumi ini, amin.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN.....	iv
KANDUNGAN .....	vi
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xii
ABSTRAK.....	xiii
ABSTRACT.....	xv

### BAB

<b>I PENDAHULUAN</b>	
Konteks Kajian.....	1
Perkahwinan dan Perceraian .....	2
Perkahwinan dan Perceraian di Barat.....	3
Perkahwinan dan Perceraian di Malaysia.....	4
Faktor-Faktor Perceraian di Malaysia .....	6
Persediaan untuk Berkahwin.....	8
Persediaan Perkahwinan dan Kemantapan Rumahtangga .....	9
Persediaan Berkahwin di Barat.....	10
Persediaan Berkahwin di Malaysia.....	12
Pernyataan Masalah Kajian.....	14
Objektif Kajian.....	16
Objektif Umum .....	16
Objektif Khusus.....	16
Skop Kajian.....	16
Kepentingan Kajian.....	18
Definisi Operasional.....	20
<b>II TINJAUAN BAHAN BERTULIS</b> .....	22
Konsep Persediaan Perkahwinan dalam Islam.....	22
Konsep Persediaan dalam Islam.....	22
Konsep Perkahwinan dalam Islam.....	25
Konsep Persediaan Perkahwinan dalam Islam.....	27



Elemen-Elemen Persediaan Perkahwinan dalam Islam.....	30
Persediaan Asas Fardhu Ain .....	31
Persediaan Pengetahuan Ilmu Kekeluargaan.....	33
Pengetahuan Tanggungjawab Suami .....	33
Pengetahuan Tanggungjawab Isteri.....	34
Pengetahuan Tanggungjawab Bersama.....	35
Pengetahuan Tanggungjawab Pendidikan Anak...	36
Pengetahuan Komunikasi Rumah Tangga.....	38
Pengetahuan Masalah Rumah Tangga dan Kaedah Menyelesaikannya .....	40
Persediaan Sikap terhadap Perkahwinan.....	43
Persediaan Pemilihan Pasangan .....	47
Ciri-Ciri Bakal Isteri yang Baik.....	48
Ciri-Ciri Bakal Suami yang Baik.....	54
Kaedah Pemilihan Pasangan.....	55
Persediaan Memberikan Nafkah.....	56
Penemuan Kajian Lalu Mengenai Persediaan Perkahwinan.....	57
Hubungan Persediaan Perkahwinan dengan Faktor-Faktor Terpilih.....	59
Perbezaan Persediaan Perkahwinan dengan Jantina.....	59
Perbezaan Persediaan Perkahwinan dengan Pekerjaan ..	60
Perbezaan Persediaan Perkahwinan dengan Pendidikan Formal dan Pendidikan Agama.....	60
Perbezaan Persediaan Perkahwinan dengan Perceraian Ibu Bapa.....	61
Perkaitan Persediaan Perkahwinan dengan Pendapatan .	62
Perkaitan Persediaan Perkahwinan dengan Umur .....	63
Kajian Persediaan Perkahwinan dari Perspektif Barat.....	63
Punca-Punca Kelemahan Persediaan Perkahwinan.....	66
Rangka Konsep Persediaan Perkahwinan.....	71
<b>III METODOLOGI .....</b>	<b>73</b>
Populasi Kajian.....	73
Sampel Kajian .....	74
Pengumpulan Data .....	75
Peralatan Kajian .....	76
Pra Uji .....	78

	Rangka Kajian.....	80
	Angkubah Bergantung Persediaan Perkahwinan ....	80
	Angkubah Bebas Persediaan Perkahwinan .....	81
	Analisis dan Interpretasi .....	81
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DATA .....</b>	<b>85</b>
	Profil Demografi Responden .....	86
	Persediaan Berkahwin dari Aspek Pengetahuan Ilmu Kekeluargaan .....	90
	Persediaan Berkahwin dari Aspek Sikap .....	98
	Persediaan Berkahwin dari Aspek Amalan .....	102
	Perbezaan dan Perkaitan antara Tahap Persediaan Perkahwinan dengan Faktor Demografi .....	113
	Penutup .....	118
<b>V</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>119</b>
	Ringkasan .....	119
	Pernyataan Masalah .....	119
	Objektif Kajian .....	120
	Metodologi Kajian .....	121
	Penemuan Kajian .....	121
	Profil Responden .....	121
	Persediaan Pengetahuan Perkahwinan .....	122
	Persediaan Sikap Perkahwinan .....	122
	Persediaan Amalan Perkahwinan .....	123
	Perkaitan Persediaan Perkahwinan dengan Angkubah Terpilih .....	123
	Perbincangan Hasil Kajian .....	124
	Persediaan Pengetahuan Perkahwinan .....	124
	Persediaan Sikap Perkahwinan .....	125
	Persediaan Amalan Perkahwinan .....	126
	Pendidikan Formal Responden .....	128
	Hubungan Persediaan Perkahwinan dengan Teori-Teori Perkembangan Manusia .....	129



Cadangan .....	130
Kursus Perkahwinan .....	130
Kursus-kursus Tambahan .....	131
Sukatan Sistem Pendidikan .....	131
Cadangan Kajian akan Datang .....	132
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>135</b>
<b>SENARAI IINDIVIDU YANG DITEMUBUAL.....</b>	<b>140</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
A Borang Soal Selidik .....	142
B Pecahan Soal Selidik .....	147
C Jadual 19,20,21,22,23,34 dan 25 .....	150
<b>VITA .....</b>	<b>158</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Contoh Pengiraan Skor .....	82
2 Contoh Pembahagian Skor .....	83
3 Taburan Profil Demografi Responden Mengikut Jantina, Umur, Kawasan Kediaman, Pernah Mengikuti Kursus Perkahwinan dan Tarikh Terdekat akan Melangsungkan Perkahwinan .....	87
4 Taburan Profil Demografi Responden Mengikut Pekerjaan, Pendapatan Bulanan, Pendidikan Akademik dan Pendidikan Agama .....	89
5 Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tanggungjawab Suami .....	90
6 Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tanggungjawab Isteri .....	91
7 Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tanggungjawab Bersama .....	92
8 Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tanggungjawab Pendidikan Anak .....	93
9 Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Kaedah Mengatasi Konflik Rumah Tangga .....	95
10 Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Komunikasi Rumah Tangga .....	96
11 Rumusan Taburan Persediaan Pengetahuan Ilmu-Ilmu Kekeluargaan .....	97

12	Taburan Sikap Responden Terhadap Perkahwinan .....	99
13	Taburan Sikap Responden Terhadap Nafkah .....	100
14	Rumusan Taburan Persediaan Sikap .....	102
15	Taburan Responden Mengikut Ciri-Ciri Pasangan yang Dipilih .....	103
16	Taburan Responden Mengikut Kaedah Pemilihan Pasangan.....	107
17	Taburan Responden Mengikut Kemampuan Memberikan Nafkah .....	109
18	Rumusan Persediaan Perkahwinan .....	111
19	Taburan Perbezaan Persediaan Perkahwinan Dengan Pendidikan Akademik .....	151
20	Taburan Perbezaan Persediaan Perkahwinan Dengan Jenis Pekerjaan .....	152
21	Taburan Perbezaan Persediaan Perkahwinan Dengan Pendidikan Agama .....	153
22	Taburan Perbezaan Persediaan Perkahwinan Dengan Jantina .....	154
23	Taburan Perbezaan Persediaan Perkahwinan Dengan Tempat Tinggal .....	155
24	Taburan Perbezaan Persediaan Perkahwinan Dengan Perceraian Ibu Bapa .....	156
25	Taburan Perkaitan Persediaan Perkahwinan Dengan Faktor Pendapatan dan Umur .....	157

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Hubungan antara Akidah Ibadah dan Muamalah .....	69
2	Rangka Konsep Persediaan Perkahwinan .....	71
3	Rangka Konsep Kajian .....	81



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk  
mendapatkan Ijazah Master Sains

**PERSEDIAAN BELIA ISLAM UNTUK BERKAHWIN:  
KAJIAN DARI SUDUT PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN.**

Oleh

**MUHAMMAD NUBLI B. HJ. ABDUL WAHAB**

**Jun 1997**

**Pengerusi : Prof. Madya Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kerukunan rumah tangga asas pada kesejahteraan masyarakat. Realiti kini menunjukkan keutuhan institusi ini terganggu khususnya di kalangan belia. Pemerhatian menunjukkan salah satu faktor yang menyebabkannya lemah adalah kerana kurangnya persediaan di kalangan bakal suami isteri untuk mendirikan rumah tangga. Oleh itu, kedudukan sebenar persediaan belia untuk berkahwin perlu dikaji dan dikenalpasti.

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap persediaan belia yang akan berkahwin dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Untuk itu, kajian ini melihat persediaan perkahwinan di kalangan 482 orang belia terpilih di Kuala Lumpur, Shah Alam dan Temerloh.



Penemuan kajian menunjukkan, majoriti responden mempunyai tahap persediaan untuk berkahwin yang sederhana dalam ketiga-tiga aspek persediaan iaitu, persediaan pengetahuan adalah lebih lemah berbanding persediaan sikap dan amalan untuk berkahwin. Hasil kajian mendapati aspek persediaan perkahwinan yang berkaitan dengan pengetahuan dan amalan terhadap agama Islam adalah lebih rendah berbanding dengan yang lain. Salah satu faktor yang mempunyai hubungan dengan kelemahan persediaan ini adalah tahap pendidikan formal yang telah dilalui oleh belia. Belia yang rendah tahap tahap pendidikannya mempunyai tahap persediaan perkahwinan yang lebih lemah.

Kajian penerokaan ini merumuskan bahawa para belia yang diambil sebagai responden kurang bersedia untuk berkahwin. Adalah dicadangkan agar kajian selanjutnya dalam bidang ini diteruskan dengan tujuan program-program penyediaan belia untuk berkahwin boleh dikemaskinikan bagi pembentukan masa depan generasi negara yang lebih mantap.



Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in partial fulfilment of requirements for the degree of Master of Science

**PREPARATION FOR MARRIAGE AMONG MUSLIM YOUTH:  
A STUDY FROM THE PERSPECTIVES OF KNOWLEDGE,  
ATTITUDE AND PRACTICE .**

**By**

**MUHAMMAD NUBLI B. HJ. ABDUL WAHAB**

**June 1997**

**Chairman : Assoc. Prof. Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah.**  
**Faculty : Educational Studies**

A united family forms the basis for harmonious community. However, the present scenario indicate that the institution is facing a dilemma particularly among young couples. Observations have shown that one of the factors that contribute to this problem is due to lack of preparation among would-be husbands or wives. Therefore, there is need for a scientific study to determine the actual status with regard to the preparation for marriage among youth.

The objective of this study is to determine the level of preparation for marriage among Muslim youth from the perspectives of knowledge, attitude and practice. For this purpose, 482 youth from Kuala Lumpur, Shah Alam and Temerluh were identified as respondents.



The findings show that the level of preparation for marriage among the majority of the respondents was average for all the three aspects. However, the level of knowledge was found to be much lower as compared to attitude and practice. The findings also indicate that the aspects of marriage preparation related to knowledge and practice from the Islamic perspective was low compared to other dimensions. One of the factors identified contributing to poor marriage preparation is the level of formal education received by the youth. Youth with low level of education were found to have a low level of marriage preparation.

This exploratory study concludes that the youth were moderately equipped with knowledge, attitude and practice for marriage. The study suggests that additional research in this field to indicated other related variables need to be conducted in order to refine the programmes in preparing youth for marriage.





# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Konteks Kajian**

Keluarga merupakan unit paling asas dalam masyarakat. Ia menjadi tulang belakang pada keutuhan sesebuah masyarakat dan negara (Mustafa, 1991). Oleh itu, pembentukan keluarga bahagia penting bagi melahirkan masyarakat dan negara yang kukuh. Pembentukan keluarga bermula dengan perkahwinan. Muhammad Ali (1995) menyifatkan perkahwinan adalah pintu masuk pada pembinaan keluarga. Oleh yang demikian, proses perkahwinan mestilah dijalankan dengan betul agar matlamat perkahwinan tercapai dan berjaya membentuk ahli keluarga dan masyarakat yang baik (Muhammad, 1996).

Perkahwinan yang baik boleh dihasilkan dengan peringkat permulaan perkahwinan yang mantap (Ruhani, 1993). Permulaan perkahwinan perlu ditekankan agar ikatan perkahwinan yang akan dibentuk dapat berjalan mengikut asas-asas kekeluargaan yang sebenar. Dalam konteks ini, individu-individu perlu bersedia untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab keluarga yang akan dibentuk. Para belia perlu melengkapkan diri mereka dengan persediaan-persediaan yang sewajarnya bagi menjalankan tugas sebagai suami isteri seterusnya sebagai ibu bapa. Kegagalan

mempersiapkan diri untuk berkahwin membawa bencana dalam keluarga yang akan dilahirkan (Habsah, 1996 dan Mohd Isa, 1996).

Demi untuk menjamin kesinambungan masyarakat yang bermoral, belia perlu mempersiapkan diri mereka agar menjadi suami isteri seterusnya ibu bapa yang dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Persoalannya, adakah persediaan yang ada pada mereka mencukupi bagi membolehkan tugas dan tanggungjawab ini dijalankan. Bagi menjawab persoalan ini, kajian perlu dibuat bagi mengenalpasti apakah status persediaan perkahwinan di kalangan belia ke arah pembentukan keluarga yang diredhai Allah S.W.T.

### **Perkahwinan dan Perceraian**

Sebelum Islam, tiada suatu peraturan kemas yang dapat mengatur hubungan antara kaum lelaki dan kaum wanita (Muhammad, 1996). Kaum lelaki merasakan diri mereka lebih tinggi dan kuat daripada kaum wanita. Wanita dijadikan sebagai objek pemuas nafsu lelaki sahaja. Perkahwinan yang dibuat tidak diikat dengan rasa kemanusiaan dan cinta kasih (Muhammad Ali, 1995). Ia didorong oleh sifat kejantinaan dan perasaan untuk menguasai kaum wanita yang bersifat lemah. Suami mempunyai kuasa penuh untuk menceraikan isterinya apabila ia merasa bosan dengan isterinya. Keadaan seumpama ini jelas di zaman Ratu Hatsyebst di Mesir, bangsa Sparta di Yunani dan Undang-Undang Noema di Rom (Muhammad, 1996).

## **Perkahwinan dan Perceraian di Barat**

Apabila melihat kedudukan perkahwinan dan perceraian di beberapa buah negara Barat, didapati pelbagai masalah timbul daripada perkahwinan yang dijalankan (Muhammad Ali, 1995). Laporan tentang perceraian di Amerika Syarikat menunjukkan lebih 50 peratus daripada perkahwinan mengalami perceraian dengan nisbah perceraian yang tertinggi di dunia dibandingkan dengan jumlah perkahwinan (Leslie, 1980). Menurut Hall dan Zhao (1995), dalam tahun 1991, jumlah pasangan yang tinggal bersama tanpa ikatan perkahwinan ataupun "kohabitasi" di seluruh Kanada sebanyak 1.4 juta pasangan ataupun 10 peratus daripada jumlah perkahwinan di negara tersebut. Menurut Hall dan Zhao (1995), ramai pasangan yang bercerai terdiri daripada pasangan-pasangan yang terlibat dengan amalan "kohabitasi" ini.

Kajian di Amerika menunjukkan 38 peratus daripada perkahwinan pertama berakhir dengan perceraian. Laporan Glick dan Norton dalam tahun 1973 menyatakan bahawa lebih 2 juta pasangan diceraikan di Amerika Syarikat. Masalah-masalah hubungan suami isteri seperti tiada kerjasama antara suami isteri mendorong timbulnya banyak masalah kesihatan seperti penyakit "Psychosomatic" (Leslie, 1980).

Selain dari itu, masalah-masalah lain yang timbul kepada suami isteri kesan daripada perkahwinan ialah; perhubungan suami isteri yang tidak mesra, pasangan ditinggalkan, tekanan perasaan, jemu dan putus asa dalam

hidup (Leslie, 1980). Keadaan seperti ini juga berlaku di Itali (Lucia Marsan, 1994), Bombay (Martha Vung Khan, 1994) dan Hong Kong (Tse Pak Hoi, 1994). Masalah perkahwinan dan perceraian seperti mana yang berlaku di Barat perlu dijadikan iktibar khususnya bagi belia yang akan berkahwin agar mereka dapat memelihara keharmonian rumah tangga seterusnya membentuk keluarga yang mantap. Di sinilah, golongan muda yang akan berkahwin perlu membuat persediaan yang rapi agar dapat melayari bahtera perkahwinan dengan baik seterusnya membentuk keluarga bahagia.

### **Perkahwinan dan Perceraian di Malaysia**

Apabila kita melihat pada kedudukan perkahwinan di Malaysia, pelbagai masalah timbul. Aduan mengenai masalah perkahwinan yang dilaporkan ke Jabatan Agama Islam terus meningkat (Asri, 1996). Dalam tahun 1984, aduan mengenai masalah perkahwinan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebanyak 2,505 kes. Dalam tahun 1990, jumlah aduan ini meningkat kepada 4,660 kes. Hingga tahun 1995, jumlah kes berkaitan dengan masalah rumah tangga yang dilaporkan meningkat sehingga 6000 kes (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1995b).

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam bagi memperbaiki rumah tangga yang bermasalah, bermula melalui sesi kaunseling hinggalah kepada prosiding mahkamah, namun kes perceraian masih tinggi (Asri, 1996). Di Wilayah Persekutuan sebagai contoh, hampir 10

peratus daripada masalah kekeluargaan yang timbul di antara suami isteri berakhir dengan perceraian (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1995b).

Kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Islam, Pusat Islam Malaysia mendapati, kadar perceraian di kalangan pasangan Islam yang berkahwin di Malaysia adalah tinggi. Data 10 tahun perkahwinan dan perceraian tahun 1980 - 1989 mendapati, kadar perceraian di Perlis sebanyak 42.2 peratus. Ini diikuti oleh Sabah sebanyak 27.9 peratus dan Terengganu 25.3 peratus. Negeri yang paling sedikit kadar perceraian adalah Melaka dan Sarawak dengan purata 9.0 peratus (Wan Sulaiman, 1994). Daripada statistik ini, kajian terperinci mengenai perceraian mendapati, 50 peratus daripada perceraian berlaku di kalangan pasangan belia yang berumur 25 - 34 tahun. Kebanyakan daripada pasangan ini baru berkahwin di antara 4 - 5 tahun dan mempunyai 1 - 3 orang anak (Wan Sulaiman, 1994).

Kajian terhadap kedudukan pasangan-pasangan suami isteri yang bercerai mendapati, golongan yang paling ramai bercerai terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah (Wan Sulaiman, 1994). Kebanyakan mereka adalah pekerja kumpulan D atau buruh seperti pemandu, pelayan pejabat dan operator pengeluaran (Wan Sulaiman, 1994). Pasangan ini mendapat pendidikan sehingga peringkat Sijil Rendah Pelajaran Malaysia (SRP) dan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM). Selain dari itu, faktor umur

perkahwinan yang terlalu rendah dan pemilihan pasangan yang tidak sesuai juga merupakan ciri pasangan yang bercerai (Wan Sulaiman, 1994).

### **Faktor-Faktor Perceraian di Malaysia**

Sungguhpun secara puratanya, kadar perceraian di Malaysia adalah 15 peratus, namun keadaan ini perlu diperbaiki untuk kemantapan keluarga di Malaysia (Ahmad, 1996). Kajian yang dijalankan mengenai punca berlakunya perceraian di kalangan orang-orang Islam di Malaysia menunjukkan, salah satu sebab perceraian adalah kerana tidak memahami dan mengamalkan tugas-tugas asasi sebagai seorang Islam seperti mengenal Allah, solat, taharah dan seumpamanya (Ahmad, 1996 dan Asmungi, 1996). Faktor ini telah menyumbang sebanyak 21 peratus daripada punca berlakunya perceraian di Kuala Lumpur.

Kesan dari pengabaian tanggungjawab asasi dalam Islam ini, maka sebab kedua berlakunya perceraian adalah kelemahan komunikasi dalam rumah tangga dan pengabaian nafkah rumah tangga (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1995b). Lebih daripada 30% perceraian disebabkan oleh kedua-dua punca ini.

Selain dari sebab-sebab ini, faktor-faktor lain berlakunya perceraian adalah campur tangan keluarga dalam masalah rumah tangga, pasangan terlibat dengan amalan buruk seperti penyalahgunaan dadah, berjudi dan

berzina, lebih mengutamakan kerjaya daripada rumah tangga, kesihatan yang tidak baik, penderaan dan kelemahan nafsu batin (Abdullah al-Hadi, 1995 dan Jabatan Agama Islam Selangor, 1995).

Kajian terhadap sikap suami isteri yang menghadapi masalah rumah tangga menunjukkan, punca perselisihan dalam rumah tangga bermula daripada suami dan bukannya isteri kerana, suami merupakan orang yang berkuasa dalam rumah tangga (Abu Zaki, 1996). Selain dari itu, faktor sikap buruk suami isteri menambahkan lagi konflik di dalam rumah tangga seperti penggunaan kata-kata yang kesat, cepat hilang sabar dan selalu bersungut (Wan Sulaiman, 1994).

Menurut Wan Mariam (1996), faktor utama yang membentuk sikap di kalangan pasangan suami isteri ini adalah melalui pendidikan yang telah diterima daripada kedua ibu bapa mereka sejak belum berkahwin lagi. Sekiranya pendidikan yang diterima baik, maka akan lahirlah sikap yang baik pada peribadi bakal suami isteri tersebut dan begitulah sebaliknya.

Kepelbagaian punca berlakunya masalah rumah tangga sehingga mengakibatkan perceraian perlu dilihat daripada awal proses pembentukan rumah tangga lagi. Tahap-tahap awal perkahwinan seperti pemilihan pasangan yang bersesuaian, kemampuan memberikan nafkah dan kesediaan pasangan menjalankan tanggungjawab rumah tangga perlu ditekankan kepada generasi

muda yang akan berkahwin agar mereka bersedia sepenuhnya untuk berkahwin. Konsep kemampuan dalam berkahwin ini disebut dengan jelas oleh Allah S.W.T dalam al-Quran, surah an-Nisaa', ayat 3. Ayat ini juga menerangkan tentang konsep adil dan persediaan-persediaan perkahwinan yang perlu ada bagi mengelakkan timbulnya masalah-masalah di dalam rumah tangga yang akan dibina nanti.

### **Persediaan untuk Berkahwin.**

Islam telahpun menentukan proses permulaan perkahwinan yang tersusun agar perkahwinan yang dibina membawa kebahagiaan. Bakal suami isteri perlu melengkapkan diri mereka dengan persiapan-persiapan sebelum berkahwin agar dapat menjalankan tanggungjawab dalam rumah tangga dengan baik, seterusnya mengelakkan berlakunya perpecahan dalam rumah tangga (Muhammad, 1996). Untuk itu, persediaan sebelum berkahwin merupakan permulaan ke arah melahirkan perkahwinan selaras dengan syariat Islam (Muhammad Ali, 1995). Arahan ini jelas sebagaimana maksud hadis Rasulullah S.A.W.; "Barangsiapa yang berkahwin mengikut landasan agama maka berbahagialah ia".

Islam telah menggariskan persediaan untuk berkahwin itu bermula dengan persiapan individu. Lelaki dan perempuan yang akan berkahwin mesti mempersiapkan diri mereka dengan membina keperibadian muslim yang baik seterusnya memilih pasangan hidup yang baik juga (Mohd Talib, 1993).



Mereka mesti mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu tanggungjawab kekeluargaan dan peranan-peranan yang perlu mereka mainkan di dalam rumah tangga.

Selain dari itu, bakal suami sebagai ketua keluarga perlu mempunyai keupayaan memimpin dan memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak mereka nanti. Setelah perkahwinan dijalankan, pasangan-pasangan yang telah mempunyai persediaan ini perlu sentiasa meningkatkan kebolehan diri dalam mengendalikan urusan rumah tangga (Abdullah al-Hadi, 1995). Kesan dari persediaan ini, akan lahir sebuah rumah tangga yang mantap seperti mana yang telah dibuktikan melalui rumah tangga Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda (r.a).

### **Persediaan Perkahwinan dan Kemantapan Rumahtangga**

Islam menggariskan persediaan perkahwinan penting untuk kemantapan rumahtangga (Kamil, 1990 dan Muhammad, 1996). Dalam konteks ini Rasulullah S.A.W bersabda maksudnya:

Dikahwini wanita itu kerana empat perkara, kerana hartanya, kerana kecantikannya, kerana keturunannya dan kerana agamanya. Ambillah wanita untuk dikahwini kerana agamanya, kerana di akan membahagiakanmu.

Riwayat Bukhari dan Muslim

Hadis ini menjelaskan diantara perkara penting yang boleh memberikan kebahagiaan rumahtangga adalah bersiap sedia untuk berkahwin dengan